

01/03/2003

Pameran hasil sawit dapat sambutan

PELBAGAI produk minyak sawit Malaysia dipamerkan di Showcase Malaysia 2003, iaitu pameran pelbagai produk keluaran Malaysia sempena Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali ke-13 yang berlangsung di Kuala Lumpur selama lapan hari, bermula dari 18 hingga 26 Februari 2003. Lebih 500 syarikat dan agensi kerajaan mewakili pelbagai kumpulan industri dan sektor perkhidmatan menyertai pameran itu yang meliputi 16 kelompok, pameran gaya hidup dan juga organisasi utama Malaysia.

Produk minyak sawit Malaysia termasuk daripada teknologi terkini dan produk sawit komersial yang dihasilkan di Malaysia, dipamerkan secara bersama oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Majlis Promosi Minyak Sawit Malaysia (MPOB/MPOPC). Produk hasil pelbagai teknologi mutakhir industri sawit adalah ciptaan baru yang dihasilkan oleh Penyelidik di MPOB

yang mana teknologinya ditawarkan untuk dipindahkan kepada mana-mana pelabur berminat.

Ia meliputi pelbagai teknologi daripada pengeksploitasi minyak sawit seperti pelbagai barangan kosmetik, pelbagai produk barangan pengguna serta produk coklat dietari menggunakan lelemak khas daripada minyak sawit, pelbagai produk papan gentian dari biojisim sawit dan juga teknologi yang ada kaitan dengan aspek perladangan sawit.

'Showcase Malaysia 2003' yang dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung, bukan sahaja membabitkan perwakilan dan Ketua Negara

yang hadir ke persidangan NAM ke-XIII itu, malah turut dikunjungi usahawan

dan ahli perniagaan dari dalam dan luar negara serta masyarakat tempatan.